

MINGGUAN: Bagaimanakah sejarah pembedahan pintasan koronari bermula di negara ini?

DR. ROZALI: Ceritanya bermula apabila Datuk Dr. Nik Zainal Abidin Abdul Rahman pulang dari United Kingdom (UK) pada 1977 sebagai pakar kardiologi terlatih. Beliaulah yang memulakan perkhidmatan rawatan kardiologi di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Sebelum itu ramai pesakit jantung memerlukan pembedahan tetapi ia gagal dilaksanakan kerana kita kekurangan pakar kardiologi dan pembedahan jantung. Sebelum itu banyak pesakit mendapatkan rawatan di Filipina, Australia dan UK. Ekoran itu, wujud desakan awam termasuk tuntutan di Parlimen agar rawatan jantung dapat dijalankan di dalam negara.

Selepas itu, apakah yang berlaku?

DR. ROZALI: Pada Jun 1980, saya yang ketika itu menjalani latihan di Hospital Royal Prince Alfred, Universiti Sydney, Australia pulang ke tanah air untuk menghadiri perkahwinan seorang ahli keluarga. Kebetulan salah seorang tetamunya ialah pesakit Dr. Nik Zainal. Saya dan Dr. Nik Zainal berbincang mengenai keperluan menawarkan rawatan penyakit jantung kepada pesakit di Malaysia dan membuat cadangan itu kepada Menteri Kesihatan ketika itu, Tan Sri Chong Hon Nyan.

Ketika itu pembedahan jantung bukan tidak pernah dilakukan di negara ini. Ia sudah dimulakan di Hospital Universiti (kini Pusat Perubatan Universiti Malaya). Namun, tidak banyak pembedahan dapat dilakukan. Dalam setahun hanya kira-kira 30 hingga 50 kes pembedahan dapat dijalankan.

Jadi, kami memperkenalkan konsep latihan berkumpulan dan bukannya berseorangan. Kami mencadangkan kerajaan menghantar satu pasukan menjalani latihan berhubung rawatan jantung di luar negara kerana langkah itu lebih baik daripada menghantar hanya seorang pakar bedah secara berseorangan seperti yang diamalkan sebelum itu.

Dengan menghantar satu pasukan menjalani latihan, masalah teknikal, komunikasi dan proses menyesuaikan diri dengan peralatan dapat diatasi dengan lebih mudah.

Bilakah pasukan pertama itu bertolak mendapatkan latihan di luar negara?

DR. ROZALI: Kementerian Kesihatan menghantar pasukan yang lengkap ke Sydney pada 1981. Di sana pasukan itu menjalani latihan mengendalikan pembedahan jantung bermula dari bilik pembedahan hingga pesakit dibawa ke Unit Rawatan Rapi (ICU).

Pulang ke Malaysia, kami sudah selesai dengan segala rutin kerja termasuk menggunakan peralatan. Ketika di Sydney, kami juga meminta Kementerian Kesihatan menghantar mesin (*Heart Lung Machine*) untuk membolehkan kami menyesuaikan diri dengan penggunaannya sebelum ia dibawa balik dan digunakan di Malaysia.

Berapa lamakah latihan itu?

DR. ROZALI: Kami berlatih di sana selama enam bulan. Apabila kami pulang pada awal Februari 1982, kami hanya ada masa selama enam minggu sebelum menjalankan pembedahan jantung terbuka yang per-

Pembedahan perintis k

m. m'sia m/s 7 21.10.07

Mukadimah

DUA puluh lima tahun lalu, pada tanggal 22 Oktober 1982, bidang perubatan negara telah mencatatkan sejarah tersendiri apabila buat julung kalinya pembedahan pintasan arteri koronari berjaya dilakukan ke atas seorang kerani di Kementerian Kewangan, Ibrahim Abu Bakar yang ketika itu berusia 39 tahun.

Pembedahan tersebut dilakukan selepas enam bulan penubuhan Unit Pembedahan Jantung pertama di Malaysia di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Pakar-pakar yang terlibat dengan pembedahan pada 22 Oktober 1982 itu ialah anggota Unit Pembedahan Kardiorasik yang dihantar oleh kerajaan Malaysia untuk mendapatkan latihan intensif selama enam bulan di Hospital Royal Prince Alfred, Sydney, Australia.

Mereka terdiri daripada Pakar Bius, Datuk Dr. Radha Krishna; Pegawai Perubatan Pembedahan, Dr. Abdollah Salleh; perfusionis Mansur Maidin, Aw Heng Taw dan Azmi Fadzil; serta jururawat Asaadah, Linda Le, Irene Khoo dan Daphne Ho.

Semalam, *Mingguan Malaysia* menjejaki kembali ketua pakar bedah yang melakukan pembedahan tersebut, Datuk Dr. Rozali Wathooth untuk mengimbas semula kenangan manis kejayaan itu yang telah meningkatkan tahap keyakinan rakyat Malaysia terhadap keupayaan pakar-pakar tempatan dalam pembedahan jantung.

"Kejayaan itu tidak akan menjadi kenyataan tanpa keberanian pesakit itu dan tanpa komitmen semua anggota kumpulan bedah. Tanpa sokongan pakar bius, pakar bedah, pegawai perubatan dan beberapa orang lagi seperti juruteknik dan jururawat terlatih, pembedahan itu tidak akan berjaya," katanya kepada wartawan NORLIZAH ABAS, SHAFINAZ SHEIKH MAZAN, WAN SYAMSUL AMLY WAN SEADEY dan jurugambar DJOHAN SHAHRIN SHAH dalam satu temubual di pejabatnya di Subang Jaya.

Apa yang dimulakan oleh pakar-pakar tempatan dan Dr. Rozali, 58, dalam pembedahan pada 22 Oktober 1982 itu akhirnya bercambah dan membuka idea kepada kelahiran beberapa pusat rawatan jantung di Malaysia termasuklah salah satunya Institut Jantung Negara (IJN).

Sejak itu juga, pembedahan jantung dan kardiologi berkembang pesat hingga menjadikan Malaysia antara negara yang memiliki perkhidmatan rawatan jantung yang terbaik di rantau ini.

tama iaitu pada 6 April 1982.

Dalam bulan pertama bertugas di Malaysia, pasukan kami dibantu oleh dua doktor pakar dari Australia iaitu Pakar Bedah, Dr. Bruce Leckie dan Pakar Bius, Dr. Brian Clarke yang turut membantu kami ketika membuat latihan di Sydney. Jasa mereka memang banyak. Ketika mereka berada di Malaysia, mereka tidak dibayar satu sen pun. Kita cuma menanggung kos tambang, penginapan dan makanan tetapi mereka tidak mendapat pampasan walaupun kehilangan pendapatan sepanjang tempoh tersebut.

Apakah kejayaan yang dicatatkan oleh pasukan tersebut?

DR. ROZALI: Dalam tempoh sembilan bulan pertama 1982, kami berjaya menjalankan 126 pembedahan jantung terbuka, 58 pembedahan jantung tertutup, 35 pembedahan torasik yang lain seperti paru-paru. Daripada keseluruhan pembedahan yang dijalankan, hanya seorang pesakit yang meninggal dunia. Kami beruntung kerana berjaya menghasilkan mutu kerja yang memuaskan walaupun pasukan itu baru dibentuk. Ekoran kejayaan tersebut, bilangan pesakit jantung Malaysia yang mendapatkan rawatan di luar negara turut berkurangan.

Saya turut memberikan pandangan supaya kumpulan kami menyelesaikan dahulu kes-kes membabitkan kanak-kanak dan pesakit muda yang menghadapi masalah injap jantung sebelum memulakan program pembedahan pintasan koronari.

Bagaimanapun, memandangkan ramai pesakit yang diserang penyakit arteri jantung datang mendapatkan rawatan, kami tidak dapat menangguhkan lagi program berkenaan.

Apakah yang berlaku pada pesakit pertama yang menjalani pembedahan pintasan koronari, Ibrahim Abu Bakar?

DR. ROZALI: Sebenarnya, dia bukan pesakit pertama yang kami dekati untuk menjalankan pembedahan pintasan koronari. Meskipun ramai yang telah membuat angiogram, tetapi apabila mengetahui mereka bakal menjadi pesakit yang pertama akan menjalani pembedahan pintasan koronari di Malaysia, mereka menjadi takut.

Kesediaan Ibrahim menjadi pesakit pertama menjalani pembedahan itu amat besar ertinya kepada kami. Kebetulan pula dia memerlukan pembedahan lima pintasan koronari.

Dua puluh lima tahun lalu Ibrahim berusia 39 tahun. Walaupun dia telah meninggal dunia pada tahun 2002, kami amat menghargai kesediaannya menjadi pesakit pertama mengambil risiko menjalani pembedahan pintasan koronari itu.

Maklumat yang diterima daripada isterinya menyatakan Allahyarham Ibrahim sihat dan gembira serta sempat mengerjakan haji di Mekah.

Pada tahun 1982, adakah sukar untuk meyakinkan pesakit supaya menjalani pembedahan pintasan koronari?

DR. ROZALI: Agak sukar sebenarnya. Ketika kami berbincang dengan beberapa pesakit, mereka enggan kerana tidak mahu dijadikan *guinea-pig*. Mereka tidak mahu dijadikan bahan uji kaji. Ibrahim lain, dia amat positif.

Keadaan wad di HKL ketika itu yang menempatkan pesakit-pesakit secara bercampur tidak kira kanak-kanak, orang dewasa, lelaki atau perempuan memudahkan usaha meyakinkan Ibrahim kerana dia sentiasa berkomunikasi dengan pihak yang sudah menjalani pelbagai pembedahan jantung. Dia melihat sendiri pesakit-pesakit itu beransur pulih dan keadaan tersebut menaikkan lagi semangatnya untuk dibedah.

Walaupun pembedahan pintasan koronari bermula pada tahun 1982, kejayaan kami terbukti apabila

terdapat kajian yang dijalankan di kalangan negara-negara ASEAN pada tahun 1985 menunjukkan Malaysia telah mencapai kejayaan 100 peratus dalam 51 kes sehingga Mei 1984.

Masalah yang timbul selepas itu bukan lagi untuk meyakinkan orang ramai tetapi untuk mencari masa menjalankan pembedahan. Permintaan pesakit untuk menjalani pembedahan itu meningkat.

Apakah yang meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap keupayaan pakar-pakar bedah jantung tempatan?

DR. ROZALI: Kesan paling besar ialah apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri menjalani pembedahan pintasan koronari di HKL pada 1989. Tidak kira bagaimana baik pun kita menawarkan perkhidmatan dan rawatan, ia tidak akan bermakna tanpa kesediaan dan keyakinan pesakit dan orang ramai terhadap perkhidmatan tersebut.

Bermula dari tahun 1982, ramai yang telah melakukan pembedahan pintasan koronari. Selepas Tun Mahathir menjalani pembedahan di HKL, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri turut melakukan pembedahan di Institut Jantung Negara (IJN).

Sebelum tahun 1982, di manakah rakyat Malaysia menjalani pembedahan jantung?

DR. ROZALI: Ramai yang pergi ke UK, Australia dan Amerika Syarikat tetapi pesakit kanak-kanak selalunya dihantar ke Filipina. Pusat Jantung Filipina di Manila mempunyai hubungan yang baik dengan kita kerana mereka melakukan pembedahan pada kos yang sangat rendah.

Apakah perubahan yang Datuk lihat dari segi teknologi rawatan jantung?

DR. ROZALI: Sebenarnya kesedaran pesakit untuk dibedah sudah timbul sejak 25 tahun lalu. Sejak itu, pesakit arteri jantung tersumbat mempunyai dua pilihan iaitu sama ada makan ubat atau melakukan pembedahan pintasan. Perubahan terbesar kini ialah rawatan angioplasti belon di mana pembedahan pintasan tidak dilakukan tetapi belon dimasukkan ke dalam pembuluh darah bagi mengembangkan arteri yang tersumbat. Malah ramai pesakit yang dulunya memilih pembedahan pintasan kini mendapatkan rawatan angioplasti belon.

Selepas kejayaan pembedahan pintasan koronari pertama 25 tahun lalu, apakah cabaran yang dihadapi bidang rawatan pembedahan pintasan koronari?

DR. ROZALI: Dahulu pembedahan pintasan adalah sesuatu yang baru bagi kami tetapi kini cabarannya berbeza. Kini ada pesakit datang dengan penyakit jantung yang lebih serius, lebih banyak arteri tersumbat dan kebanyakannya melibatkan pesakit yang lebih berumur berbanding 25 tahun lalu.

Terdapat pesakit yang dicadangkan melakukan angioplasti tetapi jika mereka tidak berjaya melakukannya, mereka akan beralih kepada pembedahan pintasan. Jadi, kami terpaksa merawat pesakit-pesakit yang keadaannya lebih teruk daripada dahulu tetapi pada masa yang sama mengekalkan kadar jangka hayat dengan komplikasi yang rendah.

Dahulu sebelum Malaysia berupaya melakukan pembedahan jantung terbuka, pesakit yang berduit mungkin boleh mendapatkan rawatan di luar negara, bagaimana pula nasib pesakit yang kurang mampu?

DR. ROZALI: Bagi pesakit yang kurang mampu, pembedahan dilakukan melalui rayuan sumbangan



DR. ROZALI WATHOOTH

han pertama kejayaan



KUMPULAN yang terlibat dalam penubuhan Unit Pembedahan Kardiotoraksik pertama di Malaysia pada tahun 1982. Dari kiri Mansor Maidin, Aw Heng Taw, Azmi Fadzil, Asaadah, Linda Le, Dr. Radha Krishna, Dr. Sandy Grant, Irene Khoo, Dr. Abdollah Salleh, Dr. Douglas Baird, Daphne Ho, Cliff Hughes, Dr. Bruce Leckie, Dr. Brian Clarke, Ahmad Ithnin (Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia, Sydney) dan Dr. Rozali Wathooth.

“Coronary bypass” pertama di Hospital Besar berjaya

KUALA LUMPUR, 23 Okt. — Pesakit yang pertama menjalani pembedahan ‘Coronary bypass’ di Hospital Besar di sini Eneik Ibrahim Abu Bakar, 39, dilaporkan sedang beransur pulih.

Kerani di Jabatan Perbendaharaan yang menjalani pembedahan selama sembilan jam semalam sekarang berada di Unit Jagaan Intensif; para doktor kini sedang mengawasi ketat perkembangan dirinya.

Pengarah Hospital, Datuk Dr. Majid Tun Dr. Aziz memberitahu hari ini kesihatan pesakit itu semakin membaik dan akan berada di unit tersebut sekurang-kurangnya sehari lagi sebelum dihantar ke wad biasa.

Datuk Dr. Majid berkata pembedahan itu yang dijalankan oleh pakar-pakar dari Unit Cardiothoracic dengan diketuai oleh Dr. Razaly Wathooth tidak mengalami sebarang kesulitan. Beliau menfikirkan pembedahan itu sebagai satu ‘kejayaan teknikal’.

Dr. Razaly dibantu oleh Pakar Anaesthetik Dr. Dha Krishna, Pegawai Perubatan Pembedahan Dr. Abdullah Salleh, para juruteknik dan seorang jururawat.

nary bypass’ merupakan satu lagi kejayaan bagi Unit Cardiothoracic yang baru ditubuhkan itu. Bulan April lalu, mereka telah berjaya menjalankan pembedahan jantung secara ‘terbuka’ ke atas seorang

pemuda berusia 19 tahun dari Pulau Pinang. Sehingga bulan lalu, hospital itu telah melakukan 60 pembedahan jantung sejak ia memulakan pembedahan sedemikian bulan April tahun ini. — Bernama.

APA ADA DI TEMPAT ANDA

- KEDAH**
9.00 — 6.00 petang Perpu- dah dili-
10.00 — 5.00 petang Muzium
3.00 petang ran Kra-
4.00 — 12.00 malam Perhimp-
8.00 malam lan Pem-
8.00 malam Ladang
2.30 petang Pasar M-
Perhimp-
tan Pem-
Kampung
Pertunjuk-
video per-
Penerang
Arasma
rah Kota
Arasma
rah Kota
Padang
kawi, Pla-
Pasu, Kar-
Pendang,
pa, Daerah
pung Ran-
Ubi, Kuli-
Kampung
kung, Baling, Kampung Belau
Kuala Muda.

While thousands of lives throb away...

Heart girl who didn't make it to Sydney

Majlis menyampaikan sijil menyimpan kira-kira di Gerai Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kumpang, Baling

KAJIAN oleh Dr. J H H Sheares mengenai statistik pintasan koronari rantau ASEAN antara 1974 hingga 1984 menunjukkan Malaysia mencatatkan sebanyak 51 pembedahan di antara tahun 1982 hingga Mei 1984 dengan kadar kematian sifar berbanding Singapura sebanyak 160 pembedahan dengan kadar kematian 3.8 peratus dalam tempoh yang sama.

KIRI: Keratan akhbar *Utusan Malaysia* mengenai kejayaan pembedahan pertama pintasan koronari di Malaysia pada Oktober 1982.

KERATAN akhbar mengenai nasib para pesakit yang merayu sumbangan daripada orang ramai untuk menjalankan pembedahan jantung pada tahun 1980-an.

Kita menghargai Ibrahim kerana berani tampil ke hadapan untuk mengambil risiko pembedahan pertama itu

— Dr. Rozali Wathooth

daripada orang ramai. Sebab itulah Dr. Nik Zainal memulakan inisiatif membentuk program rawatan jantung di Malaysia. Sebenarnya banyak kisah menarik di sebalik semua kejayaan itu. Secara peribadi, saya fikir kalau Dr. Nik Zainal tidak menggerakannya, hari ini perkhidmatan kesihatan kita mungkin tidak mempunyai pakar-pakar rawatan jantung seramai sekarang.

Ketika itu, apakah yang berlaku jika sumbangan daripada orang ramai tidak mencukupi untuk pesakit-pesakit jantung menjalani pembedahan di luar negara?

DR. ROZALI: Keadaan akan menjadi seperti inilah (*sambil menunjukkan keratan akhbar mengenai pesakit-pesakit jantung yang meninggal dunia pada awal 1980-an*). Kadang-kadang mereka menunggu sumbangan dan tidak berjaya mengumpulnya dalam tempoh yang diperlukan.

Dari segi perbandingannya, antara tahun 1970-an, 1980-an hinggalah ke hari ini, banyak perbezaan dalam rawatan penyakit jantung di Malaysia. Kalau anda pergi ke IJN sekarang dan melihat angka-angka kes rawatan jantung, anda akan dapati terdapat peningkatan yang fenomenal.

Bagaimana agaknya situasi sebenar pejabat dan klinik Datuk di HKL dulu?

DR. ROZALI: Dulu rata-rata pesakitnya datang daripada golongan miskin dan berpendapatan rendah. Menariknya, kami juga mula menerima pesakit yang datang dari jauh termasuk dari Sabah dan Sarawak.

Ketika kami bermula pada tahun 1982 di HKL, saya merupakan satu-satunya pakar bedah, Dr. Nik Zainal pula satu-satunya pakar kardiologi dan Dr. Radha satu-satunya pakar anestesia (bius).

Kalau anda ke IJN sekarang, anda dapat lihat betapa ramai pakar yang kita telah ada. Amat menyeronokkan bila kita tengok cara pakar-pakar kita itu bekerja. Mereka sangat berdedikasi dan terlatih dan rawatan yang mereka berikan membuahkan hasil yang cemerlang.

Sikap dan kualiti kerja mereka memberikan kepuasan kepada orang lama seperti saya dan Dr. Nik Zainal. Kami bangga melihat semangat mereka.

Hasil kepakaran mereka, Malaysia kini boleh dikatakan menawarkan perkhidmatan rawatan jantung terbaik di rantau ini.

Apakah kepakaran baru yang perlu diterokai oleh pakar-pakar jantung tempatan pada masa depan?

DR. ROZALI: Dalam perkhidmatan perubatan, ada kepakaran yang sudah maju dan berkembang manakala sesetengahnya masih pada peringkat uji kaji. Pakar-pakar di pusat seperti IJN sentiasa mengikuti perkembangan terkini dari masa ke masa. Jika kita mahu menerokai sesuatu kepakaran baru, kosnya memang tinggi. Selain itu IJN menjalankan usaha penyelidikan dalam bidang kardiologi dan pembedahan jantung. Kita tidak mahu memulakan sesuatu sehinggalah ia terbukti dan diterima.

Dalam karier Datuk sebagai pakar bedah jantung, apakah yang paling memberikan kepuasan?

DR. ROZALI: Saya sangat gembira apabila melihat orang muda begitu bersemangat dengan kerja mereka serta tidak jemu-jemu memajukan diri yang akhirnya membolehkan orang awam mendapat manfaatnya. Bila seseorang doktor sentiasa cuba melakukan perkara yang sama tetapi dengan cara yang lebih baik, pesakitlah yang akan beruntung. Ambil sahaja contoh pembedahan pintasan koronari, pembedahan dulu dan sekarang berlainan sepenuhnya. Ada perubahan dari segi pembedahan, jenis saluran yang digunakan dan teknik melindungi jantung semasa operasi.

Adakah nisbah pakar jantung berbanding penduduk di Malaysia mencukupi?

DR. ROZALI: Kementerian Kesihatan berusaha bersungguh-sungguh untuk membina pusat jantung. Pada tahun 1982, kita hanya mempunyai satu pusat, sekarang telah ada banyak pusat jantung di hospital kerajaan dan swasta.

Nisbah pakar jantung dan penduduk masih belum cukup. Masih banyak pesakit yang berada dalam senarai menunggu untuk dibedah. Senarainya panjang. Pesakit yang tidak bermampuan bergantung kepada hospital-hospital kerajaan.

Dalam pembedahan bersejarah pada tahun 1982, apakah yang Datuk ingati?

DR. ROZALI: Yang pertama ialah pesakit itu sendiri. Kita menghargai Ibrahim kerana berani tampil ke hadapan untuk mengambil risiko pembedahan pertama itu.

Yang kedua ialah kumpulan bedah. Dalam mana-mana pembedahan jantung, kita tidak boleh buat pembedahan berseorangan. Kita bekerja secara berpasukan. Tanpa sokongan beberapa kakitangan perubatan, pakar bius dan pakar bedah, pembedahan tidak akan berjaya.

Setiap pembedahan bergantung kepada kerjasama setiap ahli pasukan dan kebolehan setiap pakar dalam kumpulan itu.

Apakah signifikannya pembedahan pintasan koronari 25 tahun lalu?

DR. ROZALI: Keyakinan orang ramai sudah wujud selepas pembedahan ke atas Ibrahim pada tahun 1982 dan Dr. Mahathir pada 1989. Cuma, selepas pembedahan ke atas Ibrahim pada 1982, keyakinan itu semakin bercambah. Kejayaan 25 tahun lalu itu sebenarnya merupakan satu permulaan kepada apa yang telah kita capai hari ini.